

Bandar, wilayah harus direka secara inovatif

KUALA LUMPUR - Bandar dan wilayah harus direka secara inovatif dengan wawasan jangka panjang melibatkan ekonomi hijau, perlindungan budaya dan bandar inklusif untuk semua.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, lebih daripada 50 peratus penduduk dunia kini tinggal di kawasan bandar raya dan bandar.

"Malaysia komited untuk menyokong dan melaksanakan objektif Pembangunan Mapan dan Pelan Tindakan Agenda Perbandaran Baharu untuk memastikan bandar adalah selamat, inklusif, berdaya tahan dan mampan dengan tadbir urus bandar yang cekap.

"Semua agensi pelaksana perlu memahami peranan mereka ke arah mencapai matlamat bersama



NOH (tengah) bergambar selepas Majlis Menaikkan Jalur Gemilang dan Bendera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sempena WUF9 di KLCC semalam. Hadir sama Halimah (depan, dua dari kanan).

dan menyelaraskan usaha melalui jawatankuasa antara kementerian, daerah dan kerajaan tempatan," katanya ketika berucap kepada peserta Perhimpunan Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9) di

KLCC semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique. - Bernama